

Bagi Malaysia, pendekatan Malaysia apabila merundingkan perjanjian perdagangan antarabangsa adalah berdasarkan kepada faedah jangka panjang yang akan diperolehi oleh Malaysia. Faktor pertimbangan tidak berubah ketika Kerajaan pada tahun 2009 membuat keputusan untuk menyertai rundingan Perjanjian Trans-Pasifik (TPPA). Rasional penyertaan Malaysia dalam TPPA adalah sama dengan penyertaan Malaysia dalam ASEAN dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN iaitu AFTA.

Bagi TPPA, pada peringkat rundingan, adalah penting untuk Malaysia menyertai dan meneruskan rundingan supaya kita dapat menetapkan perkara-perkara yang kita ingin ketengahkan dan kita dapat menyuarakan perkara-perkara yang menjadi kebimbangan kita dan ingin kita lindungi.

Oleh itu, bagi menjawab soalan Yang Berhormat, samada rundingan diteruskan atau tidak, rundingan masih lagi berjalan. Kesemua negara anggota sedang cuba untuk merapatkan jurang perbezaan pendirian di antara mereka.

SOALAN (39)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 NOVEMBER 2014
[SELASA]

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]

SOALAN :-

Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan mekanisme yang digunakan Kementerian dalam mengawal dan menyelia harga rumah yang semakin tidak masuk akal.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk mengawal dan menyelia kenaikan harga rumah, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah iaitu :-

- (i) Meningkatkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);
- (ii) Meningkatkan harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM 500,000 kepada RM 1 juta;
- (iii) Meningkatkan ketelusan harga jualan hartanah di mana pemaju perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuk semua manfaat dan insentif yang akan diberikan kepada pembeli; dan
- (iv) Melarang pemaju perumahan melaksanakan projek yang berciri *Developer Interest Bearing Scheme (DIBS)*.

Selain itu, Bank Negara Malaysia juga telah mengeluarkan garis panduan mengenai *Loan To Value (LTV) 70%* bagi mengurangkan spekulasi dari

mereka yang membeli lebih dari 2 rumah di mana mereka ini akan hanya mendapat pinjaman sebanyak 70% manakala 30% lagi perlu dibayar sendiri.

Mulai 1 Januari 2014 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengenakan syarat baharu dalam semua lesen pemajuan yang mewajibkan semua pemaju melaporkan pembelian melebihi 4 hartanah dalam satu pemajuan oleh seorang individu atau syarikat.

Sebagai langkah tambahan, Kerajaan juga telah merancang untuk meningkatkan lagi penawaran rumah dengan mensasarkan pembinaan sebanyak 1 juta rumah mampu milik dalam tempoh 5 tahun. Sasaran ini dijangka akan dapat memenuhi sebahagian besar permintaan daripada golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Antara program-program yang terlibat adalah Program Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).